



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**AHLI KIMIA UBAT (M.13-14 EB.15)  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. AHLI KIMIA UBAT  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SEBELAS (11)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Farmasi atau bidang yang berkaitan dengan jawatan.  
  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Hendaklah berdaftar dengan Lembaga Farmasi Negara Brunei Darussalam.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Calon-calon yang berjaya akan ditempatkan untuk bertugas di salah satu unit Bahagian di Jabatan Perkhidmatan Farmasi seperti yang disenaraikan di bawah:
  - Perkhidmatan Farmasi Pesakit Luar Hospital;
  - Perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam Wad Hospital;
  - Perkhidmatan Farmasi Komuniti;
  - Perkhidmatan Perolehan Farmasi;
  - Perkhidmatan Pengeluaran Ubat Farmaseutikal;
  - Perkhidmatan Komplians dan Perlesenan;
  - Perkhidmatan Regulatori Farmasi; dan
  - Perkhidmatan Farmakovigilan.
2. Penempatan bergantung kepada kelayakan atau pengalaman tambahan calon-calon yang berjaya;
3. Bertanggungjawab dalam memastikan pentadbiran di bawah jagaan masing-masing berjalan dengan lancar dan teratur;
4. Membantu dalam merancang dan meningkatkan perkhidmatan di bahagian / unit masing-masing;
5. Bertanggungjawab terus kepada Ahli Kimia Ubat Kanan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing;



6. Sebagai *leader* dan *developer* kepada kakitangan yang di bawah tanggungjawab dalam menerajui bahagian / unit / fungsi; dan
7. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.